

KEBERKESANAN PROGRAM PEMBANGUNAN EKONOMI ASNAF OLEH LEMBAGA ZAKAT SELANGOR

Khairul Azhar Meerangani^{1*}, Umami Khasidah Zaham Azman²

^{1,2}Fakulti Keilmuan Islam
Kolej Universiti Islam Melaka
Batu 24, Kuala Sungai Baru
78200 Melaka

*Corresponding author's email: khairulazhar@kuim.edu.my

Submission date:
02 April 2019

Accepted date:
11 November 2019

Published date:
30 November 2019

Abstract

The Asnaf Economic Programme is one of initiatives that has been planned and implemented by Lembaga Zakat Selangor (LZS) with the purpose of helping asnafs to groom their potentials in the entrepreneurship sector. The objective of the programme is in line with the zakat's own goals in ensuring that each asnaf is able to become independent and to build his or her own potentials in alleviating poverty. Various assistance in the form of capital injection and provision of equipment have been provided to the asnaf in achieving objectives of the programme. The study was conducted to identify factors influencing involvement and participation of the asnafs in the programme as well as to assess the programme effectiveness in improving life status and quality of each asnaf who involves in the programme. This study focuses on asnaf entrepreneurs in Kuala Selangor Distric and an interview method was used to get responses from each participant regarding the programme. A total of 8 aspiring entrepreneurs who participated in the programme were interviewed to gain their views on the effectiveness of the programme. In addition, the researcher used library data to obtain information related to the Asnaf Economic Programme itself. The results show that LZS has successfully produced a group of asnaf entrepreneurs through its economic programme. It has also provided a better life to the participants and reduced the number of asnafs in Selangor, specifically in Kuala Selangor area. In other words, the programme helps to increase the number of zakat payers to benefit unprivileged groups as well as to become role models to the other asnafs in that particular area. However, a thorough assessment of the programme has to be done by LZS in order to improve the quality and effectiveness of the programme in the future.

Keywords: *Efficiency, Economic Programme, Asnaf, Perception, Entrepreneurs*

Abstrak

Program Ekonomi Golongan Asnaf yang dirancang dan dilaksanakan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) merupakan salah satu inisiatif bertujuan membantu meningkatkan potensi golongan asnaf dalam sektor keusahawanan. Hasrat ini selaras dengan objektif zakat itu sendiri bagi memastikan

setiap asnaf mampu berdikari seterusnya membina potensi diri untuk keluar daripada belunggu kemiskinan. Pelbagai bantuan sama ada dalam bentuk suntikan modal mahupun penyediaan peralatan telah diberikan kepada setiap peserta bagi mencapai objektif program. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti faktor yang mempengaruhi penglibatan dan penyertaan golongan asnaf dalam program ini di samping menilai tahap keberkesanan program dalam meningkatkan taraf dan kualiti hidup setiap peserta. Kajian difokuskan kepada para usahawan asnaf di Daerah Kuala Selangor. Kajian ini menggunakan kaedah temu bual untuk mendapatkan respon setiap peserta berkaitan program ini. Seramai 8 orang usahawan asnaf yang menjalani program ini telah ditemu bual bagi mendapatkan persepsi mereka berkaitan keberkesanan program ini. Selain itu, pengkaji juga menggunakan data kepustakaan bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan Program Ekonomi Golongan Asnaf itu sendiri. Hasil kajian mendapati bahawa Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah berjaya melahirkan kelompok usahawan daripada golongan asnaf ini melalui program ekonomi yang dijalankan. Hal ini berjaya mengubah kehidupan mereka menjadi lebih baik serta dapat mengurangkan bilangan asnaf di Selangor umumnya serta di daerah Kuala Selangor khususnya. Secara tidak langsung, bilangan pengeluar zakat di Selangor juga dapat ditingkatkan supaya dapat membantu golongan asnaf yang lain yang dalam kesusahan di samping menjadi model atau contoh kepada asnaf yang lain. Namun, usaha-usaha penambahbaikan perlu dilakukan oleh pihak yang LZS bagi meningkatkan lagi kualiti program yang akan dijalankan dari semasa ke semasa.

Kata Kunci : Keberkesanan, Program Ekonomi, Asnaf, Persepsi, Usahawan

1.0 PENDAHULUAN

Kemiskinan merupakan antara masalah utama yang membelenggu kebanyakan negara-negara membangun di dunia. Di Malaysia, hal ini telah menjadi agenda yang diberikan keutamaan oleh pihak kerajaan sejak 13 Mei 1969 (Syafinas, 2014). Pelbagai dasar dan program telah diperkenalkan bertujuan membantu masyarakat terutamanya golongan B40 menjalani kehidupan yang lebih baik dan selesa. Dalam hal ini, institusi zakat turut tidak ketinggalan dalam memainkan peranan penting bagi membantu ekonomi umat Islam di Malaysia. Zakat berfungsi sebagai salah satu mekanisme pembasmian kemiskinan kerana ia mampu memenuhi keperluan asnaf sama ada dalam bentuk bantuan tetap bulanan atau suntikan modal bagi membolehkan mereka berdikari. (al-Qaradawi, 1995). Kini, institusi zakat mula mengorak langkah dengan melaksanakan program jangka panjang bagi merealisasikan agenda pembasmian kemiskinan kerana isu kemiskinan perlu ditangani secara berterusan dan bukannya pada musim-musim tertentu sahaja. Oleh itu, terdapat dua bentuk bantuan zakat yang disediakan oleh pihak institusi zakat iaitu bantuan produktif dan bantuan bukan produktif. Bantuan produktif merujuk kepada bantuan modal sama ada dalam bentuk wang tunai atau pun peralatan bagi membantu golongan asnaf mengubah kehidupan mereka ke arah yang lebih baik. Bantuan ini biasanya diberikan dalam bentuk jangka panjang. Bantuan bukan produktif pula bersifat jangka pendek bagi membantu asnaf meneruskan kelangsungan hidup mereka dengan memenuhi keperluan asas yang diperlukan seperti bantuan perubatan, saran bulanan, makanan, sewa rumah dan lain-lain (Fatimah, 2014).

Dalam usaha mentransformasikan asnaf daripada kelompok bukan produktif kepada kelompok produktif, pihak institusi zakat telah memperkenalkan bantuan modal buat asnaf yang berminat untuk menceburi sektor keusahawanan. Menurut Wan Sabri (2009), Majlis Agama Islam Negeri Sembilan merupakan institusi zakat pertama yang memperkenalkan bantuan seumpama ini di Malaysia iaitu pada tahun 2004. Usaha ini kemudiannya diikuti oleh institusi zakat lain seperti di Selangor, Wilayah Persekutuan dan Terengganu. Selangor dan Wilayah Persekutuan dilihat lebih agresif dalam melaksanakan program ini berkemungkinan disebabkan jumlah kutipan dana zakatnya yang lebih tinggi serta sumber kakitangan yang mencukupi dan berkemahiran dalam mengendalikan program

usahawan asnaf ini (Azman, 2014). Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah mengambil inisiatif bagi mempertingkatkan potensi ekonomi dan taraf hidup kumpulan asnaf secara mampan dan berdikari menerusi pelaksanaan Program Pembangunan Ekonomi (PPE) bagi mentransformasikan penerima bantuan zakat kepada pembayar zakat. Pendekatan ini dilihat lebih baik berbanding pemberian wang yang diberikan secara terus kepada asnaf kerana ia dapat menjadikan seorang asnaf itu kuat berusaha sendiri bagi memulihkan kehidupannya dan keluarga disamping dapat mengelakkan asnaf daripada tidak terus bergantung kepada wang bantuan zakat.

2.0 SOROTAN LITERATUR

2.1 Usahawan Asnaf

Penubuhan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1971 telah menyemarakkan sektor keusahawanan berkembang menjadi suatu bidang kerjaya yang utama dalam pembangunan masyarakat dan ekonomi. (Suhaila et al., 2016). Hal ini bertepatan dengan matlamat utama pelaksanaan dasar ini iaitu pembasmian kemiskinan dan penstrukturan semula masyarakat bagi mewujudkan keseimbangan ekonomi antara kaum. Golongan usahawan memainkan peranan penting dalam menggerakkan perubahan dalam struktur ekonomi masyarakat sesebuah negara (Ab. Aziz, 2010). Potensi sebagai usahawan bukanlah sesuatu yang boleh diwujudkan dalam diri individu secara tiba-tiba namun perlu melalui usaha dan komitmen yang jitu. Antara ciri-ciri perlu ada pada setiap usahawan adalah keberanian mengambil risiko, pemikiran kreatif dan inovatif, bijak menghidu peluang, berkeyakinan tinggi, berpandangan jauh, berorientasikan perancangan serta mampu menerima teguran dan kritikan membina (Sanep, 2012). Anjakan paradigma yang telah dilakukan oleh beberapa institut zakat di Malaysia telah merancakkan lagi agenda pemeraksanaan ekonomi golongan asnaf. Pelaksanaan program pembangunan ekonomi yang dirangka khusus buat golongan asnaf bertujuan menyediakan platform buat mereka yang berminat untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan dengan pemberian bantuan sokongan berupa modal perniagaan, modal pusingan, kursus kemahiran dan sebagainya. Hasilnya, matlamat untuk melahirkan golongan usahawan asnaf yang berdaya saing mampu direalisasikan.

Usahawan asnaf secara umumnya dapat difahami sebagai kelompok asnaf khususnya dalam kumpulan fakir dan miskin yang ingin ditransformasikan daripada asnaf bukan produktif menjadi asnaf produktif menerusi platform keusahawanan. Kelompok ini akan diberikan bantuan dan bimbingan yang diperlukan bagi membolehkan mereka bergelar usahawan (Sanep, 2012). Isma Addi (2007) mendefinisikan usahawan asnaf sebagai individu yang perlu melalui suatu proses penciptaan usaha niaga bagi memastikan mereka mampu memikul bebanan tanggungjawab sebagai usahawan serta mempunyai keyakinan untuk menyertai bidang perniagaan dengan rangsangan berupa dorongan dan bantuan daripada institusi zakat. Proses penciptaan usaha niaga merupakan fasa atau peringkat tertentu yang perlu dilalui sebelum golongan ini menjadi usahawan dengan bantuan, dorongan dan bimbingan daripada institusi zakat di negeri masing-masing. Namun begitu, beberapa kekurangan dan halangan yang mampu merencatkan proses ini perlu ditangani terlebih dahulu oleh peserta yang terlibat seperti kekurangan modal, kekurangan pengetahuan pengurusan, kekurangan kemahiran dan pekerja berbakat, kekurangan keupayaan dan sukar mendapat khidmat pakar serta kekurangan kualiti sebagai usahawan berjaya (Siti Norbay, 2011).

Terdapat dua syarat utama yang ditetapkan bagi mereka yang berminat menyertai program ini iaitu tergolong dalam kalangan asnaf fakir, miskin atau muallaf dan perlu mengikuti semua kursus yang dianjurkan oleh pihak LZS. Asnaf selain fakir, miskin dan muallaf yang berminat dengan program ini boleh mengemukakan permohonan namun mereka perlu melalui proses pendaftaran terlebih dahulu dan penilaian berkaitan permohonan mereka hanya akan diputuskan setelah aktiviti bancian fakir dan miskin yang dijalankan pada setiap tahun oleh pihak LZS selesai. Peserta yang terpilih akan menerima bantuan daripada pihak LZS dalam bentuk pemberian modal, kursus dan motivasi perniagaan, pemantauan dan bimbingan, pengiklanan perniagaan serta insentif khas bagi asnaf yang berjaya.

Terdapat enam kategori perniagaan yang ditetapkan oleh pihak LZS iaitu perniagaan, pertanian, penternakan, perikanan, perkhidmatan, pemakanan dan peruncitan. Setiap peserta boleh memilih kategori perniagaan berdasarkan kecenderungan sendiri serta kehendak pasaran semasa (Lembaga Zakat Selangor, 2015).

2.2 Program Pembangunan Ekonomi Asnaf

Dalam usaha untuk memajukan dan membantu golongan asnaf ini supaya dapat mengubah kehidupan mereka terutamanya dari segi ekonomi, institusi zakat di Malaysia telah berusaha mewujudkan pelbagai program berteraskan pembangunan ekonomi bagi menyediakan peluang dan pendedahan kepada para asnaf mekanisme terbaik yang boleh dilakukan untuk mengubah kehidupan mereka. Lembaga Zakat Selangor antaranya telah mengambil inisiatif dengan menjalankan satu program yang dinamakan sebagai Program Pembangunan Ekonomi (PPE) dalam usaha untuk mengagihkan zakat secara produktif. Program ini bertujuan membantu golongan fakir miskin yang berdaya maju dan mempunyai potensi untuk menjalankan perniagaan dengan memberi modal kepada mereka untuk menjalankan perniagaan. Hal ini bagi membolehkan para asnaf mempunyai kemampuan dan kredibiliti untuk menjana pendapatan sendiri menerusi perniagaan yang dijalankan sehingga akhirnya mereka mampu membebaskan diri daripada belenggu kemiskinan dan yang paling penting menjadi pembayar zakat yang konsisten untuk membantu orang lain pula. Bagi memastikan perjalanan program ini lebih efisien, pihak LZS telah membahagikan program ini kepada dua bentuk iaitu Program Keusahawanan dan Program Ekonomi Berkelompok. Bantuan yang diberikan bagi program keusahawanan ini antaranya seperti pemberian modal awal serta suntikan modal tambahan dengan nilai minimum dan maksimum iaitu RM5,000.00 dan RM50,000.00. Pemilihan peserta dijalankan tapisan yang ketat dan terperinci memandangkan bantuan yang diberikan ini tidak perlu dibayar balik. Maka, hanya asnaf yang berkelayakan sahaja akan dipilih bagi mengelakkan berlakunya sebarang penyelewengan dan penyalahgunaan bantuan yang disediakan (Azman et al., 2014).

Menurut Azman et al. (2014) juga, terdapat dua jenis bantuan modal yang akan diberikan oleh pihak LZS iaitu modal awal perniagaan dan pembelian aset tetap (barangan keperluan perniagaan seperti mesin) serta sewaan premis berdasarkan penilaian kepada potensi serta bentuk perniagaan yang bakal dijalankan. Bagi asnaf fakir, miskin dan mualaf yang menjalankan perniagaan berskala kecil seperti jualan kuih dan minuman, had bantuan modal yang diberikan adalah sehingga RM 5000.00. Bagi perniagaan berskala besar seperti restoran, kedai dobi, makanan tradisional, bengkel kenderaan dan sebagainya, had bantuan modal yang ditetapkan adalah sebanyak RM 5,000.00 sehingga RM 50,000.00. Selain itu, pihak LZS turut menyediakan latihan dan kursus buat para peserta program berkaitan keusahawanan dalam usaha meningkatkan motivasi diri, keyakinan serta pengetahuan dalam bidang perniagaan ini. Hal ini bagi membolehkan para usahawan asnaf menerima bimbingan dan pemantauan secara berterusan sehinggalah mereka berjaya dalam perniagaan yang dijalankan (Anis et al., 2014).

Selain itu, pihak LZS turut menubuhkan Kumpulan Usahawan Asnaf Zakat (KUAZ) sebagai suatu platform membina jaringan perniagaan serta medium perbincangan dan pertukaran maklumat sesama peserta supaya mereka tidak bersendirian dan mampu menongkah arus cabaran dalam dunia perniagaan secara bersama-sama. Jalinan kerjasama turut diwujudkan dengan agensi-agensi tertentu seperti Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) dan Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) dalam usaha mempelbagaikan lagi ilmu dan kemahiran yang dimiliki oleh usahawan asnaf. Menjadi harapan pihak LZS agar asnaf yang telah berjaya mampu menjadi contoh seterusnya memberikan bimbingan kepada asnaf lain untuk turut melakar kejayaan yang sama. Bagi membolehkan produk yang dihasilkan oleh para peserta ini mampu mempunyai nilai kebolehpasaran yang tinggi serta mampu pergi dengan lebih jauh, pihak LZS juga turut melantik ejen dan pengedar yang dilantik dalam kalangan asnaf supaya produk yang dihasilkan ini dapat dipasarkan di dalam mahupun luar Negara. Maka, sokongan daripada pembayar zakat yang aktif sangat diperlukan bagi membolehkan dana zakat

yang terkumpul dapat dimanfaatkan sekalian untuk membantu para asnaf ini keluar daripada belunggu kemiskinan (Lembaga Zakat Selangor, 2015).

Peruntukan agihan zakat di Selangor dibahagikan kepada lima program iaitu Program Pembangunan Sosial, Program Pembangunan Pendidikan, Program Pembangunan Institusi Agama, Program Pembangunan Insan dan Program Pembangunan Ekonomi. Peruntukan terbesar secara kebiasaannya akan disalurkan kepada Program Pembangunan Sosial. Namun begitu, Program Pembangunan Ekonomi turut menjadi antara keutamaan pihak LZS menerusi skim-skim tertentu yang ditawarkan. Berikut merupakan perincian peruntukan agihan zakat bagi program ekonomi :

Jadual 1 : Agihan Peruntukan Program Pembangunan Ekonomi bagi Tahun 2016 dan 2017

Tahun	Agihan Zakat	Program Pembangunan Ekonomi		Bantuan Modal Perniagaan	
		Jumlah Peruntukan (RM)	Peratus Peruntukan	Jumlah Peruntukan (RM)	Peratus Peruntukan
2016	697,494,013	10,854,282	1.6 %	1,640,024	15.1 %
2017	616,526,812	8,487,649	1.4 %	681,637	8.0 %

Pada tahun 2017, jumlah peruntukan bagi program pembangunan ekonomi sebanyak RM8,487,649.00 atau 1.4 % daripada jumlah keseluruhan agihan zakat. Peruntukan ini dilihat sedikit menurun berbanding tahun 2016 iaitu sebanyak RM10,854,282.00 atau 1.6%. Daripada peruntukan ini pula, sebanyak RM1,640,024.00 atau 15.1% telah diagihkan sebagai bantuan modal perniagaan buat asnaf yang terpilih pada tahun 2016 dan RM681,637.00 atau 8.0% pada tahun 2017. Meskipun jumlah peruntukan ini dilihat sedikit menurun pada tahun 2017 berbanding tahun 2016, namun ia telah menunjukkan bahawa program pembangunan ekonomi merupakan strategi yang digunakan oleh LZS dalam mencapai hasrat untuk mentransformasikan zakat sara diri kepada zakat produktif.

2.3 Cabaran Pelaksanaan Program

Dalam mengendalikan sesebuah program, sudah pasti institusi zakat akan berhadapan dengan pelbagai cabaran dan rintangan bagi memastikan hasrat meningkatkan kualiti kehidupan golongan asnaf berjaya direalisasikan. Cabaran utama yang dihadapi adalah kurangnya komitmen dan sokongan daripada golongan asnaf khususnya fakir dan miskin untuk menyerta program ekonomi ini. Kebanyakan mereka lebih selesa menerima bantuan kewangan berkala dalam jangka pendek dan kurang keinginan serta keyakinan diri untuk keluar daripada kepompong kemiskinan. Berdasarkan kajian Fatimah Salwa et.al (2014) yang menemubual 207 responden yang terdiri daripada peserta program pembangunan ekonomi asnaf ini, seramai 117 atau 43.5% daripada mereka mengakui bahawa mereka gagal dalam perniagaan yang dijalankan. Maka, nisbah mereka yang berjaya dan gagal dilihat lebih kurang seimbang dan ini sudah pastinya akan mengurangkan lagi keyakinan diri peserta lain untuk terlibat dalam program seumpama ini. Namun begitu, kita tidak boleh membuat kesimpulan menyeluruh bahawa mereka yang gagal itu disebabkan faktor kurang komitmen dan keyakinan diri semata-mata. Hal ini kerana pelbagai faktor lain seperti sokongan keluarga, komitmen terhadap anak, pendapatan yang rendah, kurang bimbingan dan motivasi serta lokasi dan jenis perniagaan yang kurang strategik dilihat turut menyumbang kepada kejayaan para peserta program ini. Tidak dinafikan wujud segelintir asnaf yang menyalahgunakan bantuan modal perniagaan ini namun pemantauan secara berkala yang dilakukan oleh pihak institusi zakat mampu memastikan hanya peserta yang benar-benar berkelayakan sahaja dibenarkan menyertai dan meneruskan program ini.

Menurut Azman Ab Rahman et.al (2014), latar belakang peserta serta prestasi perkhidmatan institusi zakat merupakan antara dua cabaran utama yang berpotensi menjejaskan kelancaran perjalanan program ekonomi ini. Sebahagian peserta antaranya terdiri dalam kalangan mereka yang tidak

berpelajaran tinggi serta kurang terdedah dengan selok-belok dunia keusahawanan. Maka, proses pembentukan diri mereka sebagai usahawan adakalanya mengambil masa yang lama sehingga membuatkan sebahagian daripada mereka menyerah kalah dan berputus asa daripada meneruskan program ini. Sebahagian mereka pula menyertai program ini dengan motivasi perniagaan yang rendah di mana modal perniagaan yang diperoleh daripada institusi zakat dilihat sebagai jalan untuk mendapatkan bantuan kewangan jangka pendek semata-mata tanpa melihat peluang jangka panjang untuk keluar dari kepompong kemiskinan. Faktor tidak perlu membayar semula bantuan perniagaan yang diterima juga dilihat mempengaruhi komitmen peserta untuk meneruskan program dengan bersungguh-sungguh sehingga akhirnya menyebabkan mereka terkandas di tengah jalan. Prestasi institusi zakat juga boleh mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan program ekonomi ini. Masalah kekurangan kakitangan khususnya yang berpengalaman dan berkepakaran dalam bidang keusahawanan menyebabkan pihak institusi zakat terpaksa mendapatkan perkhidmatan daripada pihak konsultan membabitkan latihan kemahiran, saringan pemilihan peserta serta pemantauan berkala (Azman Ab Rahman et.al, 2014). Masalah ini perlu diperbaiki daripada semasa ke semasa bagi memastikan para peserta mendapatkan khidmat nasihat, bimbingan dan pemantauan secara sistematik dan efektif.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif dalam proses pengumpulan dan penganalisan data. Penyelidikan kualitatif memfokuskan kepada usaha untuk mendapatkan maklumat bukan numerikal (Cresswell, 2013) yang dapat memberikan keterangan mendalam tentang latar belakang sesuatu perkara. Kajian ini menggunakan dua kaedah yang utama iaitu data primer (kajian lapangan) dan data sekunder. Data primer diperoleh melalui metode temu bual kumpulan sasaran manakala data sekunder pula diperoleh melalui kajian kepustakaan. Kajian kepustakaan yang berasaskan metode dokumentasi dilakukan bagi mendapatkan sorotan ke atas bahan-bahan literatur seperti buku-buku ilmiah, jurnal, artikel seminar dan laporan. Kajian kepustakaan ini penting bagi mendapatkan gambaran yang jelas mengenai prinsip dan kaedah pelaksanaan Program Ekonomi Golongan Asnaf oleh Lembaga Zakat Selangor. Selain metode dokumentasi, Cannell dan Kahn (1957) berpandangan metode temu bual juga sesuai bagi mendapatkan data yang terperinci bagi memenuhi objektif kajian. Meskipun secara umumnya kajian ini menggunakan temu bual secara mendalam, namun garis panduan asas semasa menemubual informan masih diperlukan untuk memastikan proses temu bual menjawab persoalan kajian dengan semaksimum mungkin untuk mencapai objektif kajian. Kaedah temu bual semi struktur telah dipilih kerana mempunyai fleksibiliti yang membolehkan soalan diubahsuai dan diselaraskan bagi mendapatkan maklumat yang lebih jelas berkaitan isu yang dikaji (Taylor dan Bogdan, 1998).

Jumlah informan dalam kajian kualitatif tidak boleh terlalu besar atau terlalu sedikit namun mengikut kesesuaian kajian yang dijalankan. Patton (1994) mencadangkan jumlah yang baik iaitu 10 responden dan boleh ditambah sebanyak 5 responden sekiranya terdapat penambahan data baru untuk menganalisis data kajian. Walau bagaimanapun, jumlah pemilihan responden turut bergantung kepada faktor-faktor lain seperti objektif kajian, persoalan berkaitan kajian, masa dan sumber kewangan kajian yang dijalankan. Anggaran saiz sampel informan berpandukan teori penepuan data iaitu pengumpulan data akan berhenti apabila sangat kurang data baru yang dihasilkan. Populasi kajian ini lebih tertumpu kepada Usahawan Asnaf di daerah Kuala Selangor. Berdasarkan kiraan rasmi di Lembaga Zakat Selangor, sebanyak 101 usahawan asnaf telah menyertai Program Pembangunan Ekonomi Asnaf. Dalam kajian ini, seramai 8 orang responden usahawan asnaf di daerah Kuala Selangor telah dipilih dan ditemubual untuk mendapatkan maklum balas dan pandangan mereka berhubung program ini khususnya dan Lembaga Zakat Selangor umumnya. Soalan-soalan dibina membabitkan tiga tema utama yang dibina berdasarkan objektif kajian iaitu faktor pendorong menyertai program, tahap kepuasan terhadap bentuk bantuan yang diterima serta keberkesanan program dalam mengubah taraf ekonomi peserta. Di samping itu itu, beberapa soalan tambahan turut

dikemukakan bagi mendapatkan data-data tambahan serta mendapatkan maklumat yang lebih terperinci dan meluas.

4.0 ANALISIS KEBERKESANAN PROGRAM EKONOMI ASNAF

Dalam temu bual ini, para peserta dibahagikan mengikut taraf ekonomi mereka selepas menyertai program ini iaitu pada kadar RM1500.00 hingga RM4999.00, RM5000.00 hingga RM14999.00 serta RM15000.00 hingga RM20000.00. Berikut merupakan dapatan yang diperolehi daripada hasil temu bual bersama responden berdasarkan tema faktor pendorong menyertai program:

4.1 Faktor Pendorong Penyertaan Program

Jadual 2 : Faktor Pendorong Menyertai Program Pembangunan Ekonomi Usahawan Asnaf

Anggaran Pendapatan	Responden	Pekerjaan Lama	Pekerjaan Baru	Faktor Pendorong
RM1500- RM4999	Responden 1	Juruelektrik	Peniaga Pakaian Kanak-Kanak	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada pekerjaan selepas mengalami kemalangan • Kewangan keluarga yang tidak stabil • Mengubah nasib keluarga menjadi lebih baik
	Responden 2	<i>Freelancer</i>	Peniaga Air Buah	<ul style="list-style-type: none"> • Mengubah nasib keluarga menjadi lebih baik • Mendapatkan pekerjaan tetap
	Responden 3	Bekerja Sendiri	Peniaga Makanan Berlauk	<ul style="list-style-type: none"> • Kewangan keluarga yang tidak stabil • Mengubah nasib keluarga menjadi lebih baik
RM5000- RM14,999	Responden 4	Kerja Sambilan	Peniaga Nasi Kawah	<ul style="list-style-type: none"> • Hilang tempat bergantung selepas kematian suami • Mengubah nasib keluarga menjadi lebih baik
	Responden 5	Tukang Jahit	Pengusaha Butik	<ul style="list-style-type: none"> • Hilang tempat bergantung selepas kematian suami • Mengubah nasib keluarga menjadi lebih baik
	Responden 6	Tukang Cuci	Pengusaha Bahulu	<ul style="list-style-type: none"> • Membantu suami yang sakit dan tidak mampu bekerja • Kewangan keluarga yang tidak stabil • Mengubah nasib keluarga menjadi lebih baik
RM15,000- RM20,000	Responden 7	Pekerja Kilang	Pengusaha Minuman	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada pekerjaan selepas mengalami kemalangan • Kewangan keluarga yang tidak stabil • Mengubah nasib keluarga menjadi lebih baik
	Responden 8	Peniaga Minuman	Pengusaha Kedai Cendol	<ul style="list-style-type: none"> • Kewangan keluarga yang tidak stabil • Mengubah nasib keluarga menjadi lebih baik

Berdasarkan hasil temu bual, dapat dirumuskan bahawa pendorong utama para peserta menyertai program ini adalah bertujuan mengubah nasib keluarga menjadi lebih baik. Sebelum menyertai program ini, para peserta majoritinya berhadapan dengan pelbagai masalah seperti terlibat dengan kemalangan di tempat kerja, tiada pekerjaan yang tetap dan stabil bagi menyara keluarga, kehilangan

tempat bergantung selepas kematian suami serta cabaran meneruskan hidup sebagai ibu tunggal. Peluang yang diberikan oleh LZS disambut dengan baik kerana menurut kebanyakan peserta, sewaktu mereka berada dalam keadaan susah sehingga tidak mampu membayar bil-bil dan terpaksa mencatu makanan, pihak-pihak luar seperti saudara-mara, jiran tetangga dan sahabat-handai telah menjauhkan diri. Maka, kesedaran untuk membebaskan keluarga daripada kepompong kemiskinan telah menguatkan tekad dan azam mereka untuk menjalankan aktiviti perniagaan. Hasilnya, kesemua peserta ini telah berjaya mengeluarkan diri mereka daripada senarai penerima bantuan asnaf sebaiknya bertukar menjadi pembayar asnaf yang konsisten bagi membantu golongan lain yang kurang bernasib baik seperti yang pernah dilalui oleh mereka.

4.2 Tahap Kepuasan Usahawan Asnaf

Semua peserta yang menyertai program ini akan diberikan kursus dan bimbingan awal sebagai pendedahan sebelum melibatkan diri dalam aktiviti perniagaan. Setelah itu, pihak LZS akan memberikan bantuan modal kewangan dan peralatan yang bersesuaian dengan jenis perniagaan yang dijalankan. Suntikan modal perniagaan juga akan diberikan sekiranya pihak LZS melihat potensi yang wujud dalam perniagaan yang dijalankan oleh setiap peserta. Berikut merupakan dapatan yang diperoleh daripada hasil temu bual bersama responden berdasarkan tema tahap kepuasan peserta terhadap bentuk bantuan :

Jadual 3: Tahap Kepuasan Usahawan Asnaf Terhadap Bentuk Bantuan Yang Disediakan Oleh LZS

Responden	Bentuk Bantuan	Tahap Kepuasan
Responden 1	<ul style="list-style-type: none"> • Modal Perniagaan (RM10,000) • Suntikan Modal Tambahan (RM30,000) 	<ul style="list-style-type: none"> • Berpuas hati dan berterima kasih dengan bantuan yang disediakan
Responden 2	<ul style="list-style-type: none"> • Mesin Pengisar Mangga (3 buah) 	<ul style="list-style-type: none"> • Berpuas hati dan berterima kasih dengan bantuan yang disediakan
Responden 3	<ul style="list-style-type: none"> • Modal Perniagaan (RM10,000) • Peralatan Katering • Khemah 1 (set) 	<ul style="list-style-type: none"> • Berpuas hati dan berterima kasih dengan bantuan yang disediakan • Mengalu-alukan kehadiran staf LZS untuk memantau perniagaan yang dijalankan
Responden 4	<ul style="list-style-type: none"> • Periuk Kawah (5 buah) • Peralatan Katering • Khemah (1 set) 	<ul style="list-style-type: none"> • Berpuas hati dan berterima kasih dengan bantuan yang disediakan • Mengalu-alukan kehadiran staf LZS untuk memantau perniagaan yang dijalankan
Responden 5	<ul style="list-style-type: none"> • Mesin Jahit (5 buah) 	<ul style="list-style-type: none"> • Berpuas hati dan berterima kasih dengan bantuan yang disediakan • Kurang pemantauan daripada staf LZS terhadap perniagaan yang dijalankan
Responden 6	<ul style="list-style-type: none"> • Ketuhar Besar • Acuan Bahulu 	<ul style="list-style-type: none"> • Berpuas hati dan berterima kasih dengan bantuan yang disediakan • Mengalu-alukan kehadiran staf LZS untuk memantau perniagaan yang dijalankan
Responden 7	<ul style="list-style-type: none"> • Balang Air (6 buah) • Peralatan Minuman • Khemah (2 set) 	<ul style="list-style-type: none"> • Berpuas hati dan berterima kasih dengan bantuan yang disediakan
Responden 8	<ul style="list-style-type: none"> • Mesin Ais (3 buah) 	<ul style="list-style-type: none"> • Berpuas hati dan berterima kasih dengan bantuan yang disediakan

Secara umumnya kesemua peserta berpuas hati dengan bentuk bantuan yang diberikan oleh LZS kerana ia membantu mereka dalam menjalankan aktiviti perniagaan. Bantuan berbentuk modal kewangan dan peralatan yang disediakan telah membolehkan mereka meneruskan perniagaan dengan lebih berkesan seterusnya memperoleh pulangan modal dan keuntungan yang tinggi. Kesemua peserta juga berpuas hati dengan perkhidmatan yang disediakan oleh pihak LZS di mana para pegawai telah dihantar untuk memantau perniagaan yang dijalankan serta mendengar maklum balas daripada pihak peserta. Namun responden 5 menyatakan bahawa butik beliau kurang dikunjungi oleh pegawai LZS dan memberi saranan agar pihak LZS dapat membuat aktiviti pemantauan secara lebih menyeluruh. Namun di sini dapat disimpulkan bahawa bantuan perniagaan yang disediakan oleh pihak LZS sememangnya membantu para peserta program ini untuk lebih berjaya.

4.3 Kedudukan Ekonomi Usahawan Asnaf

Di antara hasrat LZS dalam pelaksanaan program pembangunan ekonomi ini adalah bagi menyediakan platform buat para asnaf yang ingin memajukan lagi diri serta mengeluarkan mereka daripada belenggu kemiskinan. Maka, penanda aras yang digunakan dalam menentukan keberkesanan program ini adalah dengan menilai taraf kehidupan golongan asnaf ini sebelum dan selepas menyertai program ini. Berikut merupakan dapatan yang diperolehi daripada hasil temu bual bersama responden berdasarkan tema keberkesanan program dalam mengubah taraf ekonomi asnaf :

Jadual 3: Kedudukan Ekonomi Usahawan Asnaf Sebelum Dan Selepas Mengikuti Program Pembangunan Ekonomi Golongan Asnaf

Responden	Pendapatan Lama (Sebulan)	Pendapatan Baru (Sebulan)	Kebekesanan Program
Responden 1	RM1500 RM400 (SOCISO)	RM600 (permulaan) RM2000	<ul style="list-style-type: none"> • Pendapatan mencukupi bersesuaian dengan kos hidup di Kuala Selangor • Terkeluar daripada senarai asnaf dan bertukar menjadi pembayar zakat
Responden 2	RM500-RM1000 (tidak tetap)	RM2500	
Responden 3	RM2000	RM4500	
Responden 4	RM1000	RM8000	
Responden 5	RM600	RM14,000	
Responden 6	RM800	RM14,000	
Responden 7	RM1500	RM16,000	
Responden 8	RM2,000	RM20,000	

Taraf kehidupan para peserta sebelum program ini berkisar pada latar yang sama iaitu kemampuan kewangan yang terhad untuk menampung keluarga yang besar, ketidakmampuan untuk bekerja selepas menghadapi kemalangan, kehilangan tempat bergantung (suami) sebagai sumber pendapatan utama serta ketiadaan pekerjaan yang tetap dan stabil bagi menyara keluarga. Namun kesemua peserta ternyata telah berjaya mengubah nasib mereka dan keluarga apabila berjaya menambahkan pendapatan bulanan mereka sehingga mereka akhirnya dikeluarkan daripada senarai penerima bantuan asnaf. Bahkan yang lebih memberangsangkan adalah apabila mereka kini menjadi pengeluar zakat secara konsisten dalam usaha berkongsi rezeki yang dianugerahkan oleh Allah kepada mereka dengan insan lain. Kos sara hidup di daerah Kuala Selangor yang sederhana juga dilihat antara faktor yang menjadikan pendapatan yang diperolehi oleh mereka mencukupi untuk menyara diri dan keluarga. Maka, tidak hairanlah apabila kesemua peserta yang ditemu bual menzahirkan perasaan terima kasih yang tidak terhingga buat pihak LZS yang tidak jemu memberikan tunjuk ajar dan bimbingan

termasuklah menyediakan platform pengiklanan untuk mereka memasarkan produk perniagaan mereka.

Berdasarkan dapatan yang diperoleh, dapatlah dirumuskan bahawa program pembangunan ekonomi yang bermatlamat melahirkan usahawan asnaf yang produktif terbukti berjaya dilaksanakan mengikut objektif yang ditetapkan. Meskipun tidak dinafikan terdapat peserta yang gagal dalam program ini, namun kebanyakannya berpunca daripada komitmen sendiri serta faktor-faktor luaran seperti sokongan keluarga dan persepsi masyarakat. Usaha yang dilakukan oleh pihak LZS ini sewajarnya diberikan pujian kerana matlamat melahirkan usahawan asnaf ini merupakan inisiatif yang baik dalam mentransformasikan lebih ramai lagi golongan asnaf penerima bantuan zakat menjadi pengeluar zakat yang efisien.

5.0 KESIMPULAN

Usaha berterusan untuk memajukan dan mengubah kehidupan golongan asnaf ke arah yang lebih baik perlu diperluaskan. Pihak LZS menyediakan peruntukan yang secukupnya bagi menyebarkan lagi pelaksanaan program ini bagi membolehkan lebih ramai asnaf yang berkelayakan boleh mencuba untuk mengubah nasib diri mereka dan keluarga. Penambahbaikan perlu dilakukan bagi memastikan program ini berjaya mencapai matlamat yang ditetapkan iaitu melahirkan lebih ramai lagi usahawan asnaf yang berjaya. Galakan, bimbingan dan sokongan daripada pihak LZS sendiri dilihat sememangnya membantu para peserta program untuk lebih memajukan diri dan perniagaan yang dijalankan. Para asnaf perlu mengambil peluang yang berharga ini dengan berusaha lebih bersungguh-sungguh serta memberikan kerjasama dan komitmen yang jitu terhadap perniagaan yang dijalankan. Sebarang penyalahgunaan dana serta perasaan malas dan berputus asa perlu dihindari kerana bantuan perniagaan ini merupakan amanah yang diberikan oleh masyarakat menerusi LZS untuk dimanfaatkan dengan sebaiknya. Masyarakat sekeliling boleh terlibat secara langsung dalam menjayakan program ini menerusi sokongan yang berterusan kepada pihak LZS sam ada dalam bentuk kewangan (bayaran zakat) mahupun perkongsian idea dan maklum balas bagi menambahbaik lagi program ini.

Rujukan

- al-Qaradawi, Yusuf. (1993). *Fiqh al-Zakah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Azman Ab Rahman, Mohamad Yazis Ali Basah, Mahdhir Abdullah, Mohammad Noorizzudin Nooh dan Ahmad Anis Mohd Fauzi. (2014). *Keberkesanan Program Usahawan Asnaf oleh Institusi Zakat dalam Menginterpretasikan Keharmonian Ummah*. Prosiding, International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization.
- Azman Ab Rahman, Mohamad Yazis Ali Basah, Mohammad Noorizzuddin Nooh, Mahdhir Abdullah, Ahmad Anis Mohd Fauzi dan Mohd Faez Abu Bakar. (2014). *Memformulasi Model Produktif Pembangunan Program Usahawan bagi Memperkasakan Ekonomi Golongan Asnaf*. Prosiding, Persidangan Kebangsaan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-9.
- Azman Ab. Rahman, Mohamad Yazis Ali Basah, Mohammad Noorizzuddin Nooh, Mahdhir Abdullah, Ahmad Anis Mohd Fauzi dan Mohd Faez Abu Bakar. (2016). Program Usahawan Bagi Memperkasakan Ekonomi Golongan Asnaf: Pemantauan Dari Aplikasi MYEMA. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, Vol. 7 No. 1: 57-74.

- Farhana Mohd Rosli. (2013). *Pembudayaan Keusahawanan ke Arah Mempengaruhi Kecenderungan Menceburi Bidang Keusahawanan Dalam Kalangan Bakal Graduan di UTHM*. Disertasi, Fakulti Pendidikan dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Fatimah Salwa Abd Hadi, Nurhanie Mahjom dan Zuriadah Ismail. (2014). *Prestasi Bukan Kewangan dan Persepsi Usahawan Asnaf Zakat Terhadap Program Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat Produktif*. Prosiding, International Conference on Masjid.
- Fatimah Salwa Abd. Hadi, Nurhanie Mahjom, Azila Abdul Razak, Mohd Yahya Mohd Hussin dan Fidlizan Muhammad. (2015). *Prestasi Usahawan Asnaf Zakat Terhadap Program Pembangunan Ekonomi di Lembaga Zakat Selangor*. *The Journal of Management and Science*, Vol. 1 No. 1: 1-10.
- Lembaga Zakat Selangor. (2015). *Program Pembangunan Ekonomi (Lembaga Zakat Selangor)*. Shah Alam: Lembaga Zakat Selangor.
- Mohd Abd Wahab Fatoni Mohd Balwi, Ahmad Sufyan Che Abdullah, Adibah Hasanah Abd Halim dan Norhalyani Mohamad. (2008). *Pembangunan Usahawan Asnaf Melalui Bantuan Dana Dan Latihan Lembaga Zakat Selangor: Satu Sorotan*. Prosiding, Seminar Keusahawanan Islam II Peringkat Kebangsaan.
- Mohd Sabri Abdul Ghafar, Zainudin Zakaria, Rohana Yusoff, Mohd Ariff Kamaludin dan Azian Abdul Ghani. (2017). *Model Pembangunan Usahawan Asnaf MAIDAM (PUASMA)*. Prosiding, International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia.
- Noor Syafinas Muda. (2014). *Keberkesanan Agihan Zakat Kepada Asnaf Fakir dan Miskin: Kajian Kes Bantuan Jaya Diri Jabatan Zakat Negeri Kedah*. Disertasi, Universiti Sains Malaysia.
- Patmawati Ibrahim. (2007). *Peranan Agihan Zakat dalam Meningkatkan Tahap Ekonomi Ummah*. Prosiding, Persidangan Zakat dan Cukai Peringkat Kebangsaan.
- Sanep Ahmad. (2012). *Membangun Keusahawanan Asnaf: Analisis Konsep Model Pemindahan Teknologi*. Prosiding, Persidangan Kebangsaan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-7.
- Suhaila Nadzri, Nur Shakina Mohd Sultan dan Nuzul Akhtar Baharudin. (2016). *Kecenderungan Pelajar Asnaf dalam Menceburi Dunia Keusahawanan*. Prosiding, 3rd International Conference on Management & Muamalah.
- Suraiya Ishak, Abdullah Sanusi Othman, Ahmad Raflis Che Omar, Amal Hayati Ishak dan Mohd Fauzi Mohd Jani. (2012). *Pencapaian, Permasalahan dan Strategi Perniagaan Usahawan Asnaf: Kajian Kes di Negeri Selangor*. Prosiding, Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-7.
- Wan Sabri Wan Husin. (2009). *Peranan Baitulmal Dalam Membangun Ekonomi Asnaf: Pengalaman di Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor*. Prosiding, Kongres Ekonomi Islam ke-3.
- Zakaria Bahari. (2011). *Transformasi Fakir Miskin daripada Penerima Zakat Saradiri kepada Penerima Produktif*. Dalam Muhammad Syukri Salleh, Mohamad Salleh Abdullah dan Zahri Mamat (eds). *Transformasi Zakat: Daripada Zakat Saradiri Kepada Zakat Produktif*. Pulau Pinang: Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia.